

Dr  
**Mohd Yahya Mohd Ariffin**



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

# Peluang melatih SUKSIS sebagai inspektor polis

"Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan memberi keutamaan kepada bekas Kor Sukarelawan Polis (SUKSIS), universiti awam untuk mengisi jawatan inspektor". Demikian kenyataan ringkas Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar di media massa, baru-baru ini.

Pengumuman itu bermakna lepasan universiti dalam mana-mana bidang pengajian yang pernah menyertai SUKSIS dan berminat menyertai pasukan PDRM berpeluang cerah untuk dilantik sebagai inspektor polis.

Bakal pelajar universiti awam juga boleh memikirkan untuk memilih SUKSIS sebagai kegiatan kokurikulum jika berminat untuk menceburi kerjaya dalam PDRM selepas tamat pengajian.

Ismail membuat pengumuman itu dalam Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Pentauliahian SUKSIS kali ke-8 di Universiti Malaysia Sarawak baru-baru ini. Pada kali ini sebanyak 957 pelatih ditauliahkan Sijil Kor SUKSIS oleh Ismail.

Ismail dipetik berkata, pelatih SUKSIS mempunyai kelulusan akademik dalam pelbagai bidang. Pelantikan mereka boleh membantu PDRM mencapai objektif untuk menjadikan pasukan ini sebagai polis berkelas dunia. Sebagai contoh, pengambilan baru-baru ini menunjukkan 200 bekas Kor SUKSIS yang memohon berjaya dilantik sebagai inspektor.

Kerjaya dalam PDRM membabitkan penjagaan keselamatan, ketentera-

man dan keamanan rakyat dan negara. Anda dapat menyumbang bakti dalam memelihara keamanan dan keselamatan negara yang tercinta ini.

Selain itu, kerjaya berkenaan dapat mengatasi masalah jenayah dalam pelbagai bentuk yang berlaku dari semasa ke semasa. Kerjaya ini dapat membentuk disiplin diri individu kerana ia mementingkan disiplin dan peraturan.

## Belajar daripada pengalaman

Disiplin yang diterapkan dalam latihan amat berkesan menghindari pegawai polis daripada perbuatan yang melanggar undang-undang. Sebelum memasuki perkhidmatan sebagai inspektor, calon perlu mengikuti latihan seperti yang telah ditetapkan.

Walaupun tugas yang mencabar, kerjaya itu sememangnya diperlukan oleh negara dari semasa ke semasa. Profesion ini memerlukan individu yang berani, semangat yang tinggi serta mempunyai daya tahan yang kental.

Setiap anggota yang dilantik perlu menjalankan tugas kepolisian selaras dengan

fungsi di Jabatan Pengurusan, Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Jabatan Logistik, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Cawangan Khas, dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil.

Antara tugas itu ialah mentadbir, mengatur kawalan trafik, mengumpul risikan, menyediakan peralatan dan perubangan serta pencegahan jenayah. Di samping itu, mengawal dan mengekalkan keselamatan awam di darat, laut dan udara bagi mewujudkan suasana aman dan tenteram dalam kalangan rakyat dan negara.

Bakal graduan yang menceburi bidang itu akan mendapat banyak faedah termasuk gaji, elaun dan kemudahan pinjaman serta kenaikan pangkat. Calon yang dilantik sebagai inspektor pelatih akan ditawarkan gaji dan pelbagai elaun hampir RM3,500 sebulan. Jumlah itu akan dinaikkan selepas diserap ke jawatan inspektor. Menarik bukan?

## Keperluan ciri peribadi dan fizikal:

- Meminati profesion ini
- Berani dan bersemangat tinggi.



GAMBAR HIASAN

- Berdaya tahan yang kental.
- Mampu berkomunikasi dengan baik.
- Boleh bekerja tanpa mengira masa dan tempat.
- Mampu melakukan kerja-kerja penyiasatan.
- Berumur 18 hingga 28 tahun.
- Ketinggian sekurang-kurangnya 1.63 meter (lelaki) dan 1.57 meter (wanita).
- Mempunyai berat badan sekurang-kurangnya 50 kg (lelaki) dan 48 kg (wanita).
- Mempunyai ukuran

- indeks jisim badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26.
- Mempunyai ukuran dada yang biasa 81 sm dan 86 sm ketika menarik nafas (lelaki saja).
- Mempunyai daya penglihatan V6/9 bagi kedua-dua belah mata tanpa cermin mata/kanta lekap.
- Pengecaman warna yang baik.
- Pendengaran yang tidak cacat.
- Diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan X-Ray.

## Syarat lantikan

Jawatan inspektor memeru jawatan calon-calon warganegara Malaysia yang lulus ijazah sarjana muda atau sarjana atau doktor falsafah atau kelulusan profesional dalam mana-mana bidang dari universiti yang diiktiraf kerajaan serta mendapat kepujian dalam bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf.

Sebelum menyandang jawatan inspektor, calon-calon akan dilantik sebagai inspektor pelatih dan perlu mengikuti latihan yang telah ditetapkan.

## Maklumat lanjut

Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai skim perkhidmatan inspektor yang ditawarkan oleh PDRM dengan menghubungi terus atau melayari laman web seperti berikut.

## Unit Pengambilan

Cawangan Perjawatan Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia  
Bukit Aman  
50560 Kuala Lumpur  
Telefon: 03-22668350/44/47  
Laman web: www.rmp.gov.my